



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA

IKLAN
PENGAMBILAN CALON GURU TAJAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BAGI LATIHAN PRAPERKHIDMATAN
PROGRAM DIPLOMA PASCASISWAZAH PENDIDIKAN (PDPP)
TAHUN 2024

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mempelawa graduan lulusan Ijazah Sarjana Muda **TANPA** pendidikan yang berkelayakan, berpotensi dan berminat untuk mengikuti Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP) di Institut Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tahun 2024.

1. KETERANGAN PROGRAM

- 1.1 Nama Program: **Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP).**
- 1.2 Program ini dikhususkan untuk melatih bakal guru di Institut Pendidikan Guru (IPG), KPM dalam pelbagai bidang pengkhususan bagi keperluan di sekolah rendah KPM.
- 1.3 Pemohon yang berjaya ditawarkan pengajian dikehendaki mengikuti PDPP selama tiga semester atau satu tahun di IPG yang ditetapkan oleh KPM.
- 1.4 PDPP akan dilaksanakan secara mod sepenuh masa.

2. SYARAT DAN KELAYAKAN PERMOHONAN

- 2.1 Warganegara Malaysia;
- 2.2 Sihat tubuh badan;
- 2.3 Aktif dalam kegiatan kokurikulum; dan
- 2.4 Umur tidak melebihi 35 tahun pada 30 September 2024 iaitu lahir pada atau selepas 30 September 1989.
- 2.5 Memiliki sekurang-kurangnya gred **KEPUJIAN** dalam mata pelajaran bahasa Melayu di peringkat SPM.
- 2.6 Memiliki kelulusan Ijazah Sarjana Muda dari mana-mana universiti awam (UA) di Malaysia dalam bidang yang ditetapkan dan ****diiktiraf** oleh Kerajaan Malaysia dengan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK)/ *Cumululative Grade Point Average (CGPA)* minimum 2.50 ; **ATAU**
- 2.7 Memiliki kelulusan Ijazah Sarjana Muda dari universiti swasta (US) di Malaysia dan luar negara dalam bidang yang ditetapkan serta ****diiktiraf** oleh Kerajaan Malaysia

dengan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) / *Cumululative Grade Point Average (CGPA)* minimum 2.50;

- 2.8 Memiliki Ijazah Sarjana Muda yang memenuhi Kluster Mata Pelajaran (KMP) yang ditetapkan oleh KPM (sila rujuk KMP dalam permohonan *online*).
- 2.9 Calon yang memohon bidang Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (TESL) perlu mencapai tahap penguasaan minimum C1 dalam ujian penguasaan Bahasa Inggeris yang diwajibkan dengan *Common European Framework for Languages (CEFR)* seperti *Malaysian University English Test (MUET)*, *International English Language Testing System (IELTS)*, *C2 Proficiency (CPE)*, *Aptis Advanced*, *C1 Advanced (CAE)*, *Aptis Remote*, *Test of English as a Foreign Language (TOEFL)* dan *Linguaskills*.
- 2.10 Calon yang memohon bidang di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) kecuali bidang bahasa Melayu, Pendidikan Islam dan TESL perlu memiliki sekurang-kurangnya gred kepujian dalam bahasa Cina/bahasa Tamil di peringkat SPM.
- 2.11 Memenuhi syarat bidang pengkhususan yang ditetapkan (sila rujuk syarat bidang pengkhususan dalam permohonan secara dalam talian).

*** Mempunyai surat pengiktirafan daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)*

3. BIDANG PENGKHUSUSAN YANG DITAWARKAN

3.1 Sekolah Kebangsaan (SK)

- Bahasa Melayu Pendidikan Rendah
- Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua Pendidikan Rendah (TESL)
- Sejarah Pendidikan Rendah
- Matematik Pendidikan Rendah
- Sains Pendidikan Rendah
- Pendidikan Muzik Pendidikan Rendah
- Reka Bentuk Teknologi Pendidikan Rendah
- Pendidikan Seni Visual Pendidikan Rendah
- Pendidikan Jasmani Pendidikan Rendah
- Pendidikan Islam Pendidikan Rendah
- Bahasa Arab Pendidikan Rendah
- Pendidikan Awal Kanak-Kanak Pendidikan Rendah
- Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran Pendidikan Rendah
- Pendidikan Khas Masalah Pendengaran Pendidikan Rendah
- Pendidikan Khas Masalah Penglihatan Pendidikan Rendah
- Bimbingan dan Kaunseling
- Pemulihan

3.2 Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC)

- Bahasa Melayu Pendidikan Rendah
- Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua Pendidikan Rendah (TESL)
- Sejarah Pendidikan Rendah
- Matematik Pendidikan Rendah
- Sains Pendidikan Rendah

- Pendidikan Muzik Pendidikan Rendah
- Reka Bentuk Teknologi Pendidikan Rendah
- Pendidikan Seni Visual Pendidikan Rendah
- Pendidikan Jasmani Pendidikan Rendah
- Pendidikan Islam Pendidikan Rendah
- Pendidikan Awal Kanak-Kanak Pendidikan Rendah
- Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran Pendidikan Rendah
- Bimbingan dan Kaunseling
- Pemulihan

3.3 Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)

- Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua Pendidikan Rendah (TESL)
- Sejarah Pendidikan Rendah
- Matematik Pendidikan Rendah
- Pendidikan Muzik Pendidikan Rendah
- Reka Bentuk Teknologi Pendidikan Rendah
- Pendidikan Seni Visual Pendidikan Rendah
- Pendidikan Jasmani Pendidikan Rendah
- Pendidikan Islam Pendidikan Rendah
- Pendidikan Awal Kanak-Kanak Pendidikan Rendah
- Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran Pendidikan Rendah
- Bimbingan dan Kaunseling
- Pemulihan

3.4 Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK)

- Matematik Pendidikan Rendah
- Pendidikan Islam Pendidikan Rendah
- Bimbingan dan Kaunseling

CALON YANG TIDAK LAYAK MEMOHON

1. Pemohon yang pernah mengikuti program ikhtisas di IPG, tetapi gagal dalam peperiksaan dan ditamatkan pengajian.
2. Calon yang masih terikat dengan kontrak perkhidmatan dengan mana-mana agensi termasuk agensi Kerajaan Negeri dan tidak mendapat pelepasan daripada pihak tersebut.
3. Calon yang pernah mengikuti program ikhtisas di IPG KPM dan gagal dalam peperiksaan serta ditamatkan daripada pengajian.
4. Calon yang diisytiharkan bankrap.
5. Calon yang pernah meletak jawatan dalam perkhidmatan Kerajaan bagi skim Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG41.
6. Calon yang diberhentikan dari perkhidmatan kerajaan kerana tindakan tatatertib atau disabitkan dengan kesalahan jenayah/penyalahgunaan dadah/ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.
7. Pemohon yang pernah atau sedang disabitkan dengan kesalahan penyalahgunaan dadah, jenayah atau tindakan mahkamah.

CARA MEMOHON

1. Permohonan hanya boleh dibuat secara dalam talian (**online**) dengan melayari laman sesawang KPM di alamat <https://mydpdp.moe.gov.my> mulai **14 Mac 2024**.
2. Pemohon dinasihatkan melayari laman sesawang <https://mydpdp.moe.gov.my> bagi mendapatkan maklumat iklan, Ujian Kelayakan Calon Guru (e-UKCG), temu duga, Ujian Kecergasan Fizikal (UKF), syarat bidang pengkhususan serta tarikh-tarikh penting pengambilan sebelum membuat permohonan.
3. Pemohon dibenarkan mengemukakan **SATU** permohonan sahaja dan boleh mengemaskini permohonan pada tarikh yang telah ditetapkan sebelum tarikh permohonan ditutup. (sila rujuk tarikh-tarikh penting pengambilan PDPP)
4. Pemohon perlu membuat **pengesahan** permohonan dan **dihantar** sebelum tarikh tutup permohonan. Permohonan yang berjaya dihantar akan menerima **nombor rujukan** dan **tarikh menduduki e-UKCG**.
5. Maklumat yang tidak benar dan tidak lengkap boleh mengakibatkan permohonan ditolak.

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Pemohon perlu menyemak tarikh-tarikh penting pengambilan PDPP ambilan tahun 2024. Walau bagaimanapun, KPM berhak meminda sebarang aktiviti dan tarikh mengikut keperluan semasa.
2. Pemohon boleh mendapatkan maklumat tambahan berkaitan promosi pengambilan program PDPP ambilan tahun 2024 menerusi *Youtube Live "Jom Jadi Cikgu"* mulai Mac hingga Julai 2024.
3. Calon mestilah menjalani saringan dan lulus e-UKCG sebelum dipanggil temu duga dan UKF.
4. IPGM berhak menawarkan bidang pengkhususan yang berlainan dengan bidang yang dimohon mengikut keperluan KPM.

5. Pemohon yang berjaya ditawarkan pengajian hendaklah bersetuju dan patuh dengan terma-terma dalam surat tawaran dan Perjanjian Pendidikan Guru serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

PERINGATAN

Pemohon yang didapati memberi maklumat salah/tidak benar/manipulasi maklumat dalam borang permohonan akan diambil tindakan dengan menarik balik surat tawaran dan dikenakan tindakan undang-undang di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574]. Maklumat permohonan ini akan disemak secara terperinci pada hari pendaftaran dan selama tempoh pengajian dari semasa ke semasa.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN PADA 15 APRIL 2024 (11.59 MALAM)

Sila hubungi alamat berikut sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berkaitan dengan permohonan:

**INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
ARAS 1-3, BLOK 2250 JALAN USAHAWAN 1
63000 CYBERJAYA, SELANGOR DARUL EHSAN**
(u.p: Jabatan Pengambilan dan Penempatan, Pusat Hal Ehwal Pelajar)

No. Telefon : 03-8312 6731/6768/6760/6733/6693



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA

**TARIKH-TARIKH PENTING PENGAMBILAN CALON GURU
PROGRAM DIPLOMA PASCASISWAZAH PENDIDIKAN (PDPP)
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
AMBILAN TAHUN 2024**

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1	Paparan iklan di portal rasmi KPM	11 Mac – 15 April 2024
2	Permohonan dalam talian dibuka dan semakan tarikh untuk menduduki Ujian Kelayakan Calon Guru (e-UKCG)	14 Mac – 15 April 2024
3	Permohonan dalam talian ditutup	15 April 2024 (Jam 11.59 malam)
4	Pelaksanaan Ujian Kelayakan Calon Guru (e-UKCG) secara dalam talian	15 – 19 April 2024 22 – 26 April 2024
5	Semakan keputusan e-UKCG, Pelaksanaan Ujian Kecergasan Fizikal (UKF) dan Temu duga secara bersemuka	2 – 5 Mei 2024
6	Pelaksanaan Ujian Kecergasan Fizikal (UKF) dan Temu duga secara bersemuka	13 – 17 Mei 2024 20 – 24 Mei 2024
7	Semakan keputusan permohonan berjaya	24 Jun 2024
8	Pendaftaran pelajar baharu ke IPG	1 Oktober 2024

* Tarikh dan aktiviti tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa

* Calon perlu membuat semakan bagi setiap keputusan bagi saringan e-UKCG, UKF, Temu duga dan keputusan berjaya di laman sesawang <https://mypdpp.moe.gov.my>.